

# TAREKAT ABDUL RAZAK: ANALISIS INTIPATI PENGHARAMANNYA DI BRUNEI DARUSSALAM

(*TAREKAT ABDUL RAZAK: AN ANALYSIS OF ITS PROHIBITION IN BRUNEI DARUSSALAM*)

Haji Matussein bin Haji Jumat & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
(matussein@gmail.com)

## Abstract

The phenomenon of deviant teaching has formed ways of disturbing the religious harmony and peace in Brunei Darussalam. The emergence of this phenomenon including the Tarekat of Abdul Razak has polluted Sufism practices with dubious claims in his teaching which lead to a prohibition activity in the country. The essence of the offence in order to challenge a belief corrected by the looming reality with confidence based on the pure Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Thus, this paper analyzes the essence of the offence that led the ban on Abdul Razak's group. Textual research methods on the news of the ban on the teaching of this group are used in this paper. The results obtained show the essence of these orders ban on direct active consumerism based on doctrines contrary to the faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah which long-entrenched local communities.

*Keywords:* deviant teaching, doctrine, Tarekat Abdul Razak, the Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Brunei.

## Pengenalan

Fenomena kemunculan ajaran salah merentasi masa, tempat dan keadaan seringkali mencemarkan kesan kehidupan beragama yang dikecapi oleh individu, masyarakat dan negara. Jika penghayatan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (selepas ini dipendekkan menjadi ASWJ sahaja) memberi impak

pelbagai rahmat keberkatan, kebaikan, kesenangan, dan sebagainya yang positif belaka, sebaliknya pula ajaran salah memberi indikasi pelbagai mudarat kejahatan, menghambat kemajuan dakwah dan pembangunan modal insan dan sebagainya yang negatif belaka. Gahnya cabaran ajaran salah kepada manusia banyak diceritakan dalam al-Qur'an sebagai '*ibrah, mau'izah* dan *zikr* kepada generasi kini dan mendatang (Abd al-Rahmān, 1992, hlm. 68) agar tidak turut sama memilih jalan derita sebagaimana kisah-kisah kaum *'Aād* pada zaman *Nabi Hūd* yang musnah akibat bala bencana angin kencang berpasir yang sangat dingin. Pasir-pasir itu menutup dan menenggelamkan mereka termasuk keseluruhan bangunan-bangunan pencakar langit negeri *Irām*. Menurut ahli arkeologi, pada zaman ini *Irām* terletak di Negeri Oman. Begitu juga dengan kisah kaum *Thamūd* yang musnah dengan bencana kilat hali lintar dan gemuruh pada zaman *Nabi Shālih* dan demikian juga halnya dengan kisah bencana yang menimpa kaum *Nabi Lūt* yang telah diterbalikkan sehingga dinamakan mereka sebagai kaum *mu'tafikat* (Ibn Kathīr, 1999, hlm. 149-161).

Muhammad Sa'ēd Ramaḍān al-Būtī menekankan pilihan ajaran salah merupakan laluan menghala kepada penderitaan bala bencana duniaawi dan ukhrawi. Individu yang terlibat dengan ajaran salah teramat cair tingkah laku mereka akibat terikut-ikut hawa nafsu yang menjadikan keceluaran pada prinsip kehidupannya (Muhammad Sa'ēd Ramaḍān al-Būtī, 1985, hlm. 25). Amat perlu disedari, penyusupan ajaran salah berlaku secara halus, tanpa mudah disedari sehingga orang-orang yang terpengaruh tidak merasakan sesuatu telah berlaku terhadap akidah mereka. Oleh sebab itu, Brunei amat memberikan keprihatinan dalam menghadapi fenomena ajaran salah agar kemunculan dan penularannya dapat dibendung melalui mekanisme penguatkuasaan undang-undang dan saluran dakwah pemahaman pemikiran ASWJ.

Senario ajaran salah akidah di Brunei teramat samar untuk diketahui tarikh sejarah awal kemunculannya. Setiap ajaran datang silih berganti susulan sikap masyarakat Brunei yang sering menerima sesuatu ajaran yang diwar-warkan mempunyai pendekatan baru, sehingga pihak-pihak atau institusi yang diberi amanah menanganinya belum pun berjaya menyelesaikan sesuatu kumpulan ajaran salah, muncul lagi individu lain dengan kumpulan pengikutnya yang akhirnya juga menjurus kepada fahaman, kepercayaan dan amalan salah yang bertentangan dengan dasar akidah ASWJ, antaranya seperti kumpulan keagamaan dalam bentuk tarekat berwajah sufi dengan niat awal mensuci diri telah mendorong segelintir masyarakat Brunei ikut serta dalam Tarekat Abdul Razak sekitar penghujung tahun 80an dan awal tahun 90an.

Memandangkan fenomena kemunculan ajaran, fahaman dan amalan yang dilabel sebagai ajaran salah kerana bertentangan dengan ASWJ tidak berkesudahan, menyebabkan penyelidikan demi mengetahui sesuatu ajaran yang dikategorikan sebagai salah merupakan keutamaan dan kewajipan yang utama ulama akidah hingga kini kerana pengetahuan sedemikian berguna sebagai neraca pemudah membuat penilaian apa-apa jua ajaran yang disebar oleh individu atau kumpulan keagamaan mendatang.

### **Latar Belakang Tarekat Abdul Razak**

Tarekat Abdul Razak diasaskan oleh Abdul Razak bin Haji Muhammad yang berasal dari Gombak, Selangor (Kassim Mohammad, 1998, hlm. 15). Dari segi latar belakang pendidikan, dikenalpasti pengasas ini tidak pernah belajar ilmu agama secara formal, hanya mengikuti secara sambilan pada kuliah-kuliah di masjid dan persekolahan pondok. Malahan sumber ilmu tarekat ini diperolehi melalui pertapaan sahaja. Dalam pertapaan tersebut, pengasas didatangi suara-suara ghaib membisikkan ke telinganya ilmu-ilmu yang dinamakannya sebagai Ilmu Ma'rifat (Noriah Muhammad, 2002, hlm. 27). Suara-suara yang mengajarnya pula didakwa sebagai roh para nabi dan wali-wali (Saedon Othman & Norarfan Zainal, 2002, hlm. 134-135).

Menurut Saedon Othman dan Norarfan Zainal, tarekat ini mula dikesan sekitar tahun 1988-1989 oleh agensi penguatkuasaan, namun dikatakan kemunculannya di Brunei telah ada sejak lima tahun sebelumnya. Pada awal kedatangan pengasas ke Brunei, dia menggelar dirinya sebagai sheikh, akan tetapi setahun kemudian menggelarkan dirinya sebagai kiyai dan bertaraf wali. Dengan taraf demikian, seseorang yang berjabat salam dengan pengasas dikehendaki menghormatinya dengan mencium tangannya (Saedon Othman & Norarfan Zainal, 2002, hlm. 134-138). Dalam masa yang sama, pengasas juga mendakwa sebagai 'Rijāl al-Ghaib' (Noriah Muhammad, 2002, hlm. 29).

Pengasas pernah mendakwa berguru dengan Lebai Ma'aruf (Saedon Othman & Norarfan Zainal, 2002, hlm. 135), orang kanan Tarekat Ahmadiah Malaysia di zaman kepimpinan Haji Said bin Jamaluddin sehingga memperoleh ijazah untuk mentalkinkan keanggotaan pengikut baru (Mohd. Murtadza Ahmad & Mahmud Saedon Othman, 1993, hlm. 17). Dengan demikian, pengasas tarekat dilihat pada asalnya merupakan salah seorang pengikut Tarekat Ahmadiah yang diasaskan oleh Sayyidi Ahmad bin Idris (1837M) di Mesir dan berkembang ke pelusuk dunia termasuk kawasan nusantara ini. Pemimpin terkini tarekat di kawasan sini ialah Sheikh Abdul Rashid dengan dibantu oleh saudaranya Sheikh Mohd Hamid dan Sheikh

Mohammad. Tarekat Ahmadiyah mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan di Malaysia, Singapura dan Brunei susulan sambutan dari kalangan ulama tempatan, malah kegiatan tarekat ini di Brunei dipimpin oleh ulama tempatan lulusan al-Azhar. Walau bagaimana pun, hasil penelitian Saedon Othman & Norarfan Zainal, Lebai Ma'aruf telah pun menarik ijazah Abdul Razak bin Haji Muhammad di zaman tarekat ini di bawah pimpinan Haji Ahmad bin Muhammad Said al-Lingga kerana dia didapati telah melanggar disiplin Tarekat Ahmadiyah (Saedon Othman & Norarfan Zainal, 2002, hlm. 135).

Bagi pengikut-pengikut di Brunei, tarekat pimpinan Abdul Razak ini diwar-warkan pada awalnya sebagai cawangan baru kepada Tarekat Ahmadiyah, sehingga kumpulan ini berhasil memperoleh sambutan keahlilan yang sangat menggalakkan. Kewujudan tarekat ini dilihat sebagai satu alternatif untuk menarik lebih ramai masyarakat Brunei untuk mengamalkan tarekat, lantaran itu pula menjadi persaingan kepada Tarekat Ahmadiyah pimpinan ahli ugama tempatan Haji Abdul Rajid Salleh yang telah bergiat aktif di Brunei sejak awal tahun 1980an agar beralih kepada kepimpinan baru di bawah Abdul Razak.

Kegiatan Abdul Razak sepanjang berada di Brunei tertumpu kepada perkara keagamaan dan perbomohan meliputi ceramah-ceramah dan pengajaran agama, di samping memimpin tarekatnya. Selain itu, dia juga menjalankan perniagaan berupa perkhidmatan rawatan perbomohan, penjualan azimat dan cincin penjaga diri (Noriah Muhammad, 2002, hlm. 29-30). Keraguan kesahihan Abdul Razak sebagai seorang ulama mula terasa di kalangan pengikut susulan dari tindakannya berjabat salam kepada semua jemaah tanpa mengira jantina lelaki atau perempuan (Saedon Othman & Norarfan Zainal, 2002, hlm. 138). Keadaan ini menimbulkan ketidaksenangan segelintir pengikutnya lalu membuat aduan kepada agensi penguatkuasaan agama.

Ciri-ciri kesalahan dalam tarekat ini sebagaimana diadukan meliputi perkara seperti Jadual 1.

**Jadual 1: Ciri Kesalahan Tarekat Abdul Razak**

No.	Ciri Kesalahan
1.	' <i>Tahdīr al-arwāḥ</i> ' atau memanggil roh-roh orang mati termasuk roh para wali seperti ' <i>Abd al-Qādir al-Jailānī</i> '.
2.	Mendakwa berjumpa dengan <i>Rasūlullāh</i> , nabi-nabi dan wali-wali Allah.

3.	' <i>Hulūl wa Tajsīm</i> ' iaitu mendakwa penjelmaan zat Allah dalam jasad <i>Rasūlullāh</i> .
4.	Mencaci ulama termasuk mufti kerajaan.
5.	Menjual azimat penjaga diri mengikut gred-gred tertentu.

Sumber: (Noriah Muhammad, 2002, hlm. 28-29)

Aktiviti dan kegiatan Abdul Razak juga diadukan berkemungkinan besar terlibat dalam perkara maksiat yang sekaligus menggambarkan dirinya bukan sebagai ahli tarekat yang sebenar apabila beberapa kali telah mengadakan aktiviti berkelah di pantai khusus bagi pengikut-pengikut perempuan sahaja dan selepas itu dikehendaki pula mandi di rumah tempat penginapannya selama berada di Brunei, malah terdapat sumber mengatakan pengasas berdua-duaan dengan seorang pengikut perempuan yang bukan isteri atau mahramnya pergi keluar negeri (Kassim Mohammad, 1998, hlm. 16).

Kemuncak keresahan masyarakat terhadap tarikat ini berlaku sekitar awal tahun 90an impak dakwaan-dakwaan luar biasa dalam ajaran tarekat berhubung dengan isu akidah. Dalam usaha mencari penjelasan beberapa perkara akidah yang ditimbulkan dalam ajaran tarekat ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah merujuk tiga permasalahan berkait dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* kepada Syeikh al-Azhar *Jād al-Haq 'Alī Jād al-Haq* untuk mendapatkan penjelasan mengenainya. Permasalahan pertama ialah tentang hukum menghadirkan roh; kedua, penjelmaan dan penyatuhan Allah Ta'ala ke dalam jasad Nabi Muhammad dan ketiga mengenai dakwaan sebagai wali Allah dan dalam keadaan jaga mengadakan perjumpaan khas dengan Nabi Muhammad untuk melantik Abdulk Razak sebagai utusan yang diberi tanggungjawab menyampaikan tarekat dan mengendalikannya kepada orang ramai.

### Pewartaan Fatwa Tarekat Abdul Razak

Pada asasnya setiap ciri kesalahan akidah tidak boleh dikategorikan sebagai ajaran salah kecuali setelah difatwakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (selepas ini dipendekkan menjadi MUIB sahaja) sebagai ajaran salah yang bertentangan dengan ASWJ. Para penguatkuasaan undang-undang hanya berperanan sebagai penegak undang-undang sahaja dan tidak boleh berperanan sebagai pakar yang memperkatakan sesuatu ciri berkenaan sebagai ajaran salah.

Ciri-ciri kesalahan ajaran dikategorikan sebagai ajaran salah hanya setelah keluar fatwa mengenainya menghukumkannya bertentangan dengan

ASWJ. Ini membawa maksud, fatwa sahaja yang boleh memberikan petunjuk kesalahan sesuatu ciri yang dipergunakan dalam ajaran sebagai salah. Oleh itu, walau pun pada pandangan umum meragui sesuatu ajaran sebagai bertentangan dengan ASWJ, akan tetapi tidaklah berkebolehan mengatakan pemujaan terhadap makhluk atau objek dan sebagainya sebagai ajaran salah kecuali setelah ada fatwa yang mengatakan sedemikian.

Dalam hal ini, telah menjadi kelaziman dalam penguatkuasaan kesalahan berhubung dengan akidah mempergunakan definisi ajaran sesat yang disepakati oleh negara-negara anggota MABIMS sebagai landasan dalam mengenali unsur-unsur ajaran salah berkenaan iaitu suatu tindakan atas budi bicara pentadbiran. MABIMS adalah sebuah bentuk persepakatan peringkat serantau yang bergerak bagi memelihara agama dan kebajikan masyarakat Islam. Singkatan MABIMS merujuk kepada Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam 1986 – 1995, 1996, hlm. 42). Kesepakatan negara-negara anggota MABIMS telah memberikan terminologi ajaran sesat yang disifatkan sebagai bertentangan dengan akidah ASWJ ialah:

Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah, serta juga bertentangan dengan ajaran ASWJ.

Persepakatan MABIMS mengenai terminologi ajaran sesat ini dijadikan sebagai garis pandu dalam menilai sesuatu ajaran atau amalan yang dibawa sama ada oleh muslim mahu pun non-muslim. Panduan ini menjadi ilmu teras yang diterapkan kepada pegawai penguatkuasaan dalam melaksanakan tugas mengawal akidah ASWJ di Brunei dan dalam mengenal pasti ajaran dan amalan yang didakwa bersandarkan kepada agama Islam akan tetapi sebenarnya terdapat unsur sama ada sedikit mahu pun banyak yang bertentangan dengan ketentuan akidah ASWJ sebagaimana dalam al-Qur'an, hadis dan pemikiran ulama ASWJ.

Dengan senario yang panjang menghadapi kegiatan dan ajaran kumpulan Tarekat Abdul Razak, akhirnya MUIB telah mengeluarkan fatwa terhadap tarekat ini sebagai ajaran salah pada 14 Jamadilakhir 1399 bersamaan dengan 12 Mei 1979 dan pada 10 Sya'ban 1414 bersamaan dengan 22 Januari 1994. Bagi tindakan pencegahan secara perundungan terhadap mana-mana

individu atau kumpulan yang meneruskan kegiatan, ajaran atau amalan salah dalam tarekat ini, maka fatwa berkenaan telah diwartakan pada 15 Jamadilakhir 1423 bersamaan dengan 24 Ogos 2002 dalam Warta Kerajaan, bil. 18, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (penggal 77), Bab 42.

Dalam memperkatakan fatwa MUIB ini sudah tentu mengikut prosedur tertentu berdasarkan kepada peruntukan bab 42, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (penggal 77). MUIB melalui budi bicara membenarkan Mufti Kerajaan Brunei mengeluarkan fatwa melalui dua kaedah: pertama, Mufti Kerajaan Brunei terus mengeluarkan fatwa sendiri atas nama Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan selaku Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang. Ini lazimnya disebut Fatwa Mufti Kerajaan, dan kedua, Mufti Kerajaan Brunei membuat rang fatwa untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Undang-Undang jika kemosyikilan agama yang dikemukakan boleh diwartakan menjadi asas undang-undang atau peraturan-peraturan negeri. Fatwa demikian disebut Fatwa MUIB. Jika fatwa berkenaan tidak diwartakan, MUIB boleh mencadangkan supaya dijadikan sebagai peraturan-peraturan dalam pentadbiran kerajaan (Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, penggal 77, Bab 42).

Dengan meneliti kepada kandungan fatwa-fatwa dalam kajian ini, penulis mendapati kelaziman fatwa Majlis Ugama Islam hanyalah ‘endorsement’ kepada fatwa Jabatan Mufti Kerajaan (selepas ini dipendekkan menjadi JMK sahaja). Dengan kata lain fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh MUIB telah pun difatwakan sebelumnya melalui fatwa JMK. Fatwa MUIB hanya diperlukan jika fatwa JMK dipergunakan semula untuk tujuan pewartaan supaya mendapat status perundangan Brunei yang mesti dipatuhi. Walaupun fatwa MUIB hanya berupa ‘endorsement’ sahaja, namun prosedur fatwa berkenaan masih tetap berpandukan kepada peruntukan undang-undang Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi penggal 77. Dalam akta ini menyebutkan pada seksyen 39 kurungan (1) sebagaimana berikut: “Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakuan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafie.”

Walau pun pada asasnya qaul mazhab Syafie menjadi pilihan utama, namun dalam peruntukan yang sama pada kurungan (2) memberikan kelonggaran pada Mufti untuk memilih mana-mana qaul muktamad yang bersesuaian pelaksanaannya di Brunei dengan mengutamakan “*maslahah ‘ammah*” sebagai helah dalam menentukan qaul yang terbaik jika difikirkan qaul yang muktamad Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan “*maslahah ‘ammah*”. Dengan demikian mazhab-mazhab

lain boleh dipergunakan pelaksanaannya di Brunei asalkan pendapat mazhab yang lain itu adalah qaul yang muktamad. Mazhab-mazhab lain yang boleh diambilkira pelaksanaannya di Brunei terdiri daripada Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali sahaja.

Merujuk semula kepada fatwa MUIB berkenaan dengan Tarekat Abdul Razak, penulis dapatkan isi kandungan fatwa berkenaan tersusun mengikut urutan bermula menyatakan bidangkuasa fatwa di bawah bab 42. MUIB menyiarkan fatwa untuk makluman umum melalui Jawatankuasa Undang-Undang dalam mesyuaratnya mengeluarkan fatwa dengan menyebut ciri-ciri kesalahan, huraian setiap ciri kesalahan, ulasan fatwa terhadap ciri berkenaan, hujah dalil *al-naqlī*, pendapat-pendapat ulama, pandangan nasihat kepada kerajaan supaya wajib melarang dan nasihat kepada individu yang terlibat supaya bertaubat.

Dalam peruntukan undang-undang yang sama juga menyebutkan pengeluaran fatwa hendaklah melalui Jawatankuasa Undang-Undang MUIB berasaskan kepada konsep syura sebelum memutuskan sesuatu fatwa. Mufti Kerajaan sebagai Ketua Manteri Ugama di Brunei amat dihormati pada perkataannya iaitu suatu pendekatan atau kelaziman dalam ASWJ memuliakan ulama, namun pada “maslahah ‘ammah”, amat wajar berpegang pada konsep syura sebagaimana Baginda dan para sahabat juga melazimkan diri dengan syura pada perkara “maslahah ‘ammah”. Apatah lagi pada perundangan hukum syarak, maka ini sudah wajar lebih utama. Dengan bidang kuasa jawatankuasa ini, pewartaan fatwa ajaran Abdul Razak dipersidangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang pada 15 Syaaban 1422 bersamaan 1 November 2001 melalui kertas mesyuarat bilangan: 3/2001. Fatwa juga memberi nasihat kepada kerajaan supaya wajib melarang kegiatan tarekat ini dengan tujuan memelihara kesahihan akidah serta melindungi orang ramai dari terjebak kepada pembohongan.

Jawatankuasa Undang-Undang ini dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan secara bermesyuarat dan dengan keperluan keputusan majoriti ahli jawatankuasa pada mengeluarkan sesuatu fatwa. Jika Jawatankuasa Undang-Undang gagal memperolehi majoriti, maka isu yang hendak difatwakan akan dihadapkan kepada MUIB. Dengan demikian, proses pengeluaran fatwa MUIB dilakukan secara bermesyuarat dengan keputusan majoriti bukannya secara kuasa autoriti persendirian.

### **Intipati Pengharaman Tarekat Abdul Razak**

Di Brunei, menjadi kelaziman ciri-ciri sesuatu ajaran dihadapkan kepada JMK bagi sebarang pandangan dan fatwa mengenainya. Jika JMK mengatakan ciri

berkenaan salah dan bertentangan dengan hukum syarak, baharulah boleh dikatakan ciri berkenaan sebagai salah. Walau bagaimana pun dalam kajian ini, penulis mendapati sebahagian kes, tidak semestinya menunggu sesuatu fatwa sama ada fatwa dari JMK mahu pun dari MUIB bagi melengkapkan siasatan, kerana jika jelas sesuatu perbuatan itu bertentangan dengan ajaran ASWJ menurut pandangan awal pegawai-pegawai penguatkuasaan, maka tindakan secara perundangan melengkapkan fail siasatan bagi membolehkan kes berkenaan untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah atau pun tindakan secara pentadbiran terus dikenakan terhadap individu yang terlibat. Apakah lagi jika fatwa MUIB telah diwartakan, pewartaan ini mempermudahkan lagi penguatkuasaan undang-undang berkaitan ajaran salah. Susulan daripada pewartaan berkenaan, membawa kepada pengisytiharan dan pemberigaan pengharaman sesuatu ajaran demi memelihara kesahihan akidah ASWJ serta melindungi orang ramai daripada terjebak kepada pembohongan oleh pembawa atau penyebar di kalangan individu-individu yang menjadi wakil atau pengikut ajaran salah berkenaan.

Dalam menangani Tarekat Abdul Razak ini, terdapat tiga intipati utama ciri kesalahan yang berkaitan dengan akidah yang membawa kepada pengharamannya di Brunei. Ciri-ciri berkenaan ialah amalan menghadirkan roh, mendakwa penjelmaan zat Allah pada nabi dan menerima ajaran tarekat melalui pertemuan dengan nabi.

### **Amalan Menghadirkan Roh Atau '*Tahđīr al-arwāh*'**

Amalan iri menjadi ciri kesalahan utama dalam Tarekat Abdul Razak. Ia dilakukan dengan cara memanggil roh untuk menyerap masuk ke dalam tubuh pembantunya. Melalui amalan ini, pembantu yang diresapi 'roh' tadi berubah kelakuan dan suaranya. Dalam keadaan demikian, para pengikut tarekat boleh bertanya kepada pembantu tadi apa-apa juga persoalan keagamaan seperti keadaan di alam kubur atau masa depan orang yang bertanya (Saedon Othman & Norarfah Zainal, 2002, hlm. 137). Dalam salah satu majlis, Abdul Razak menceritakan kejadian individu yang tidak disukainya sedang diseksa di dalam Neraka dan meminta pertolongan kepadanya setelah mengakuinya sebagai guru murshid (Kassim Mohammad, 1998, hlm. 43).

Inilah ciri pertama pembohongan atau kesalahan yang fatwa nasihatkan agar wajib bertaubat iaitu tentang kepercayaan atau amalan menghadirkan roh. Dalam menghujah ciri *tahđīr al-arwāh* ini, fatwa MUIB menjelaskan roh adalah salah satu perkara ghaib urusan Allah Ta'ala tertutup

dari pengetahuan makhluk. Dalil yang digunakan dalam fatwa ialah firman Allah Ta'ala:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فُلِّ الرُّوحٍ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِينَتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

(Al-Isrā', 17:85)

Terjemahan: "Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh.

Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja."

Lantaran itu dalam warta berkenaan fatwa memberikan rumusan bahawa ASWJ *ittifāq* fahaman ini bukan dari ajaran Islam. Melihat kepada penghujahan fatwa berkenaan memberi gambaran isu penjelmaan ini sebagai suatu yang amat maklum telah diketahui tidak mungkin berlaku. Sehubungan dengan itu, tanpa perlu menyebut tokoh-tokoh pemikiran ASWJ atau hujahan mereka, atau dalil-dalil akal, penghujahan dengan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis dilihat sudah memadai kerana perkara ini dikira sudah menjadi *ma'lūm bi al-dharūrah*.

Atas penilaian mendasar sedemikian, penjelasan tentang ciri kesalahan *tahdīr al-arwāḥ* lebih kepada pengertian literal ciri berkenaan sebagai perbuatan memanggil roh, bertanya kepada roh atau perbuatan kerjasama manusia dengan makhluk ghaib. Sungguh pun hakikat roh itu tidak diketahui kerana ia merupakan rahsia ciptaan Allah Ta'ala dan menjadi perkara ghaib kepada makhluk. Namun begitu terdapat ulama cuba menjelaskan bahawa roh boleh difahami sebagai suatu jenis nurani yang halus hidup bergerak pada jauhar seluruh anggota badan manusia semasa hayatnya dan selepas itu berpisah dari badan menuju ke alam roh (al-Shahāwī, 1989, hlm. 5). Beginilah persepsi umum yang diketahui tentang roh.

Apabila memperkatakan isu *tahdīr al-arwāḥ* dengan persepsi begini, maka seringkali dikaitkan dengan aktiviti memanggil kerjasama jin. Dengan demikian, tidak mengherankan teks fatwa seterusnya berpanjang lebar menjelaskan tentang bekerjasama dengan makhluk ghaib iaitu jin seperti perbuatan yang kerap diamalkan oleh ahli nujum, sihir, tukang kahin dan seumpamanya sebagai individu-individu yang dalam kejahilan tentang keramat dan perbezaannya dengan sihir, istidraj dan *ahwāl al-shaitāniyyah*. Perbuatan manusia yang memuja dan menyembah syaitan dan jin akan diberi ganjaran oleh syaitan atau jin dengan memberikan khidmat apa-apa yang dikehendaki dalam bentuk-bentuk pembohongan dan dusta. Keterangan ini disusuli dengan dalil firman Allah Ta'ala:

وَكَذَلِكَ جَعْلَنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوا شَيَاطِينَ الْأَئْسِ وَالْجِنِّ يُوجِي بَعْضُهُمُ إِلَى بَعْضٍ رُّخْرُفَ الْقَوْلِ  
عُرُورًا وَلُوْشَاء رَبِّكَ مَا فَعَلُوهُ ذَرْهُمْ وَمَا يَقْتُلُونَ. وَلِتَصْنَعَ إِلَيْهِ أَفْنَدَةً الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ  
بِالْآخِرَةِ وَلِيَرْضُوَهُ وَلِيَقْرُفُوا مَا هُمْ مُقْتَرُفُونَ تَقْسِيرُهَا.

(Al-An'ām, 3:112-113)

Terjemahan: "Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu. Dan juga supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat cenderung kepada bisikan itu, dan supaya disetujui oleh mereka, dan juga supaya mereka (terus) melakukan apa yang mereka lakukan."

Dan firman Allah Ta'alaa:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ قَدْ اسْتَكْثَرْنَاهُمْ مِنَ الْأَئْسِ وَقَالَ أُولَئِكُو هُمُ مِنَ الْأَئْسِ رَبِّنَا  
اسْتَعْنَنَّ بَعْضَنَا بَعْضٍ وَبَلَغْنَا أَجَنَا الَّذِي أَجْلَتْ لَنَا قَالَ النَّارُ مَثُواكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ

إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلَيْهِ

(Al-An'ām, 3:128)

Terjemahan: "Dan (ingatlah) hari (kiamat yang padanya) Allah akan himpukkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin (syaitan-syaitan)! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut dari manusia". Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat kemudahan) dengan sebahagian yang lain (syaitan-syaitan), dan kami telah sampailah kepada masa kami (hari kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami". (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui."

Fatwa seterusnya memaklumkan tentang balasan atas individu-individu yang terlibat dengan perbuatan ini ada dinyatakan dalam hadis. Namun begitu, fatwa MUIB hanya menyebutkan terjemahan hadis sahaja tanpa membawakan matannya sekaligus memberikan gambaran balasan

pelaku dosa berkenaan telah termasyhur diketahui umum sekalipun tidak mengetahui matan hadis berkenaan.

Dalam hal ini, fatwa MUIB memikirkan telah memadai mendatangkan dalil al-Qur'an dan terjemahan hadis dalam memperhujahkan ciri *taḥdīr al-arwāḥ* sebagai ajaran salah yang bertentangan dengan pemikiran ASWJ tanpa memberikan penjelasan atau kefahaman tentang isu atau ciri berkenaan. Ini kemungkinan kerana ciri ini bukanlah ciri baru, tetapi telah lama dan banyak ulama telah memerkatakaninya. Antara yang pernah memerkatakaninya termasuklah ulama-ulama *al-Azharī* seperti *Muhammad al-Ghazālī*, *Maḥmūd Shaltūt*, *Sha'rāwī*, *'Abd al-Halīm Maḥmūd* dan sebagainya (*al-Shahāwī*, 1989, hlm. 49-60). Dengan demikian, dikategorikan ciri 'taḥdīr al-arwāḥ' sebagai telah *ittifāq* ulama menegenainya menunjukkan suatu perbuatan menyalahi hukum syarak yang boleh menjurus kepada kesalahan akidah yang bertentangan dengan dasar ASWJ.

Penilaian terhadap ciri kesalahan 'taḥdīr al-arwāḥ' dalam tarekat ini, jika melihat kepada qaul ulama dari Universiti al-Azhar, maka sudah tentu penjelasan mengenainya bersifat global. Jika ciri ini diperkaitkan kepada situasi semasa, tempat dan faktor yang boleh mendorong perkara ini berlaku khususnya dalam masyarakat Melayu rantau ini melalui aktiviti perbomohan, maka penjelasannya sewajarnya merangkumi amalan 'menurun' atau 'meditasi' yang nampak serupa dengan ciri 'taḥdīr al-arwāḥ' dan yang sinonim dengannya 'tanāsukh al-arwāḥ'. Apabila berlaku kepenggunaan ciri *taḥdīr al-arwāḥ* lazimnya disusuli dengan 'tanāsukh al-arwāḥ'.

Orang yang terlibat dengan majlis *taḥdīr al-arwāḥ*, bukan setakat *taḥdīr al-arwāḥ* sahaja, malah disusuli dengan 'tanāsukh al-arwāḥ'. Pemikiran 'tanāsukh al-arwāḥ' sama seperti dalam Majusi, Hindi dan Brahma boleh menjurus kepada kepercayaan menafikan aqidah keimanan terhadap Hari Akhirat (*Abdullāh al-Amīn*, 1986, hlm. 50). Amalan 'tanāsukh al-arwāḥ' di alam Melayu bukan sahaja diamalkan dalam majlis-majlis berbentuk tarekat, akan tetapi menjadi kelaziman berlaku dalam amalan perbomohan.

Dalam amalan 'menurun' contohnya mengandungi unsur-unsur dalam Jadual 2.

Jadual 2: Unsur-Unsur Amalan 'Menurun'

No.	Unsur-Unsur Amalan 'Menurun'
1.	Menurun dengan menggunakan asap kemenyan
2.	Menggunakan colok atau kayu gaharu
3.	Ada sajian sebelum dan sesudah upacara
4.	Ada sembelihan untuk makhluk ghaib

5.	Wujud makhluk ghaib merasuk ke dalam tubuh dukun
6.	Dukun tidak sedarkan diri
7.	Dukun bertindak di luar kawalan, bertukar suara dan bahasa
8.	Dukun bertambah kuat dan bertenaga
9.	Setelah amalan menurun selesai, dukun bertanya semula kepada pesakit tentang apa yang telah berlaku terhadapnya

Sumber: Saedon Othman dan Norarfah Zainal (2002).

Elemen-elemen di atas ini adalah penyeruan makhluk halus dalam rawatan tradisional Melayu yang nampak serupa dengan ‘taḥdīr al-arwāḥ’ iaitu suatu kemampuan supernatural memperguna makhluk yang tersebuni berkomunikasi dengan alam ghaib menembusi dimensi paranormal. Dengan kata lain, ini adalah perbuatan bekerjasama dengan jin sebagaimana dalam fatwa biasanya berlaku kepada dukun-dukun, tukang-tukang ramal, ahli sihir atau pun pada masa ini hubungan dan kerjasama itu disebut sebagai menghadirkan atau memanggil roh.

Mendatangi kahin, ahli sihir dan sebagainya memang perkara yang telah diambil maklum akan kesalahannya oleh masyarakat Muslim, namun memanggil roh atau *taḥdīr al-arwāḥ* adalah suatu isu lain yang perlu lebih penjelasan mengenainya sehinggaakan dakwaan begini menimbulkan antara pro dan kontra.

Bagi golongan yang pro akan kebolehan manusia memanggil roh atau ‘taḥdīr al-arwāḥ’ dan menjelma pada jasad manusia mengkategorikan kebolehan demikian sebagai perkara yang tidak diingkari oleh akal. Golongan ini berhujah berpandukan kepada fahaman mereka tentang hadis yang sahih akan penjelmaan Malaikat Jibril dalam bentuk manusia dan dapat dilihat oleh para sahabat. Begitu juga dengan penjelmaan syaitan dan jin dalam bentuk manusia dan bercakap seperti manusia biasa. Malaikat dan jin adalah kedua-dua makhluk alam ghaib yang berkebolehan menjelmakan diri dalam bentuk manusia dan dapat dilihat dan didengar percakapannya oleh manusia.

Nabi Muhammad pernah menemui sebahagian daripada golongan jin sedang mendengar bacaan al-Qur'an daripada Baginda. Peristiwa ini ada disebutkan dalam firman Allah Ta'ala:

وَإِذْ صَرَقْنَا إِلَيْكُمْ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنْصِثُوا فَلَمَّا أُنْصِثُوا قُبْضَيَ وَلَوْا إِلَى قُوْمِهِمْ مُنْذَرِينَ  
(Al-Ahqāf, 46:29)

Terjemahannya: “Dan semasa kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar al-Qur'an, setelah mereka menghadiri bacaannya,

berkatalah setengah kepada yang lain: "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya." Kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran al-Qur'an itu dengan) memberi peringatan dan amaran."

Kefahaman di atas ini sudah tentu kontra dan bertentangan dengan mafhum daripada fatwa MUIB, kerana menurut fatwa, roh tidak dapat dipanggil oleh manusia. Kehadiran atau kedatangan malaikat bukanlah atas undangan atau panggilan daripada Nabi Muhammad dan para sahabat, tetapi atas kehendak Allah Ta'ala. Malah dalam hadis yang sahih juga ada menceritakan tentang malaikat telah lama tidak turun-turun ke dunia sedangkan Nabi Muhammad benar-benar berkehendakkan bertemu dengannya pada saat itu. Oleh yang demikian, orang yang mendakwa berkebolehan memanggil roh adalah pendusta besar kerana yang bercakap atau berurusan dengannya sebenarnya adalah jin, syaitan atau qarin manusia sahaja bukannya roh.

Selepas membuat keputusan demikian, fatwa MUIB seterusnya memberi penjelasan tentang kewujudan jin dan syaitan adalah suatu hakikat yang telah sabit dan di kalangan mereka ada yang tergolong dalam keimanan dan sebagaimanya dalam kekufuran sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَأَنَّا مِنَ الصَّالِحُونَ وَمِنَ دُونِ ذَلِكَ كُلُّ طَرَائِقٍ قَدَّادًا  
(Al-Jin, 72:11)

Terjemahannya: "Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya al-Qur'an, nyatahalah) ada di antara kita golongan yang beragama Islam, dan ada pula golongan yang (kufur derhaka dengan) bertentangan dengan jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam (dengan beriman dan taat), maka mereka lah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar."

Adapun peranan jin yang jahat sentiasa berusaha menyesatkan manusia sebagaimana disebutkan dalam firman Allah Ta'ala:

قَالَ فَيَعْرِتُكَ لَا غُرَبَّةَ لِأَجْمَعِينَ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخَلَّصِينَ  
(Sad,  
38:82-83)

Terjemahannya: "Iblis berkata: "Demi kekuasaanMu (wahai Tuhanku), aku akan menyesatkan mereka semuanya kecuali

hamba-hambaMu di antara zuriat-zuriat Adam itu yang dibersihkan dari sebarang kederhakaan dan penyelewengan.””

Peranan dan tugas utama golongan jin sudah terlalu maklum diketahui umum untuk menggoda dan mendorong manusia kepada was-was yang berakhir dengan kemudaran dan sebagai teman jin di Neraka Jahannam. Manusia akan sentiasa didampingi oleh jin mahupun qarin sedari awal kelahirannya hingga meninggal dunia. Dalam hadis Abu Hurairah (Muslim, 1995, hlm. 8: 110) meriwayatkan Nabi Muhammad bersabda:

مَا مِنْ مُؤْلُودٍ إِلَّا تَحْسَبُهُ الشَّيْطَانُ فَيَسْتَهِلُّ صَارَحًا مِنْ نَحْسَبِهِ الشَّيْطَانِ إِلَّا بْنُ مَرْيَمَ وَأَمْةُ

Terjemahannya: “Tiada seseorang kanak-kanak yang dilahirkan melainkan tidak sunyi dari tusukan (gangguan) syaitan, maka kanak-kanak itu pun menangis akibat gangguan syaitan itu, kecuali anak Maryam (Nabi Isa) dan ibunya (Maryam sendiri).”

Penghuraian panjang tentang sifat jin dan qarin pendamping manusia dalam membahaskan persoalan menghadirkan roh ini, sebagai menekankan ingin membuktikan tentang makhluk yang menjelma itu adalah qarin yang mempunyai kemampuan untuk meniru tuannya dalam berbagai keadaan seperti suara dan rupa bentuk tuannya sendiri kerana qarin berpengetahuan tentang segala tersurat dan tersirat tentang tuannya serta mengadakan karut-marut. Walau pun manusia tidak berupaya menguasai jin kecuali bagi orang-oang yang diberi izin oleh Allah Ta’ala seperti Nabi Sulaiman, namun begitu ini tidak menghalang manusia untuk berhubung dan bekerjasama dengan jin pada mencapai sesuatu tujuan. Hubungan kerjasama ini tercapai dalam berbagai cara dan keadaan.

Seseorang yang berusaha dengan cara tertentu atau dengan berbagai jalan untuk menghadirkan roh adalah qarin orang itu akan berupaya menerima suara-suara dan kemudian akan memberitahukan berbagai hal dan berbagai perkara ghaib yang telah disepakati oleh para qarin melalui pertukaran maklumat sesama mereka. Dengan cara ini, berkemungkinan sahaja orang berkenaan mendakwa telah bercakap dengan roh orang yang sudah mati, walhal sebenarnya hanya bercakap dengan qarinnya sendiri yang membawakan berita dan cerita berkenaan, berupa dusta belaka tentang perkara ghaib. Berdasarkan huriaian di atas, ciri ajaran salah tentang amalan ‘taḥdīr al-arwāḥ’ bertentangan dengan dasar ASWJ yang jelas menyatakan perkara roh adalah perkara dari urusan Allah Ta’ala sahaja yang mengetahuinya.

Secara global, pendapat ulama boleh diambil dan diterima bahawa roh yang dipanggil dalam amalan memanggil roh bukanlah roh manusia yang hakiki, akan tetapi roh berkenaan sebenarnya adalah qarin atau pun jin. Jika seseorang mendakwa berkebolehan memanggil roh yang hakiki, maka orang berkenaan melakukan pembohongan yang nyata.

### **Penjelmaan Zat Allah Ta'ala Dalam Jasad Rasūlullāh**

Kesalahan ciri ini dibuktikan melalui dalil al-Qur'an tentang keEsaan Allah Ta'ala pada surah *al-Māidah* ayat 73 dan surah al-Baqarah ayat 163; dan dalil yang lazim digunakan dalam isu *mutashābihāt* dengan makhluk iaitu surah al-Shūrā ayat 11 dan diakhiri dalil kebesaran Allah Ta'ala yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia sebagaimana firman Allah Ta'ala:

لَا تُدْرِكُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ ۖ وَهُوَ الْطَّيِّفُ الْخَبِيرُ  
(Al-An'ām,  
6:103)

Terjemahannya: "Dia tidak dapat dilihat dan dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya."

Sementara itu dalil daripada hadis 'Adi bin Hatim (Muslim, 1995, hlm. 6: 159) meriwayatkan:

أَنَّ رَجُلًا حَطَبَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَنْ يُطِعِنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ رَشَدَ وَمَنْ يَعْصِيهِمَا فَقَدْ غَوَى فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِنْسَنِ الْحَطِيبِ أَنَّهُ قُلْ وَمَنْ يَعْصِنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Terjemahannya: "Ada seorang lelaki berkutbah di sisi Nabi, dia (khatib) itu berkata: "Barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat hidayat dan barang siapa mendurhakai kepada KEDUANYA, maka dia akan sesat". Sabda Rasulullah: "Seburuk-buruk khatib adalah kamu, katakanlah: sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya (maka dia akan sesat)."

Penggunaan hadis ini diperlukan sebagai hujah bukan sahaja penjelmaan zat Allah Ta'ala pada jasad tidak dibenarkan, malah penyatauan pada tatabahasa pun tidak boleh dilakukan. Ini sebagai penafian tidak berlaku

penjelmaan. Dengan berpandukan dalil-dalil diatas, fatwa MUIB memutuskan tentang dakwaan penjelmaan Allah Ta'ala pada jasad nabi adalah menyalahi akidah ASWJ dan di samping penghujahan tentang hukum berkepercayaan begini, fatwa turut memberikan persamaan orang-orang sedemikian sebagaimana perbuatan orang-orang zindik.

Dari aspek penggunaan dalil al-Qur'an dan hadis dalam fatwa MUIB memang jelas membuktikan kepercayaan *hulūl*, *ittiḥād*, *tajsīm* dan *tahdīr al-arwāḥ* menunjukkan ciri kesalahan yang bertentangan dengan pemikiran ASWJ. Kepercayaan *hulūl* berasal daripada Parsi bermaksud suatu kepercayaan tentang Allah yang menempat dalam setiap sesuatu dan dalam setiap *juzu'* (bahagian) daripada sesuatu sehingga boleh dikatakan setiap sesuatu itu adalah Allah (Abdullāh al-Amīn, 1986, hlm. 49). Pemikiran ini terus berkembang dipegang golongan pelampau Syiah dalam mendewa-dewakan Saidina Ali, dan Bahaiyyah berkepercayaan rasul-rasul penjelmaan Tuhan. Kepercayaan begini berbeza dengan *ittifāq* ulama ASWJ yang berpegang dengan kepercayaan tentang Allah Ta'ala Maha Suci daripada menyerupai segala yang baharu, Allah Ta'ala tidak berjisim, berdaging, berdarah, bertulang, bukan bayang-bayang, gambar dan sebagainya.

Begitu juga tentang latar belakang kepercayaan *ittiḥād* pula bererti bersatu, wujud makhluk itu iaitu wujud khaliq (Allah). Fahaman seperti ini dikatakan berasal dari fahaman Jahmiah yang berkeyakinan tentang zat Allah Ta'ala itu terdapat *halla* pada tiap tempat (Abdullāh al-Amīn, 1986, hlm. 49). Fahaman ini mempergunakan firman Allah Ta'ala berikut sebagai dalil mereka:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ  
(Al-Baqarah, 2:34)

Terjemahan: "Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir."

Teori ini dimengertikan oleh segelintir orang dengan kefahaman akan kebolehan Allah menjelma dalam bentuk manusia pada diri Nabi Adam melalui perbuatan tunduk kepadanya iaitu suatu petunjuk sifat ketuhanan pada dirinya sebagai kepercayaan *ittiḥād*. Begitu juga dengan kepercayaan *tajsīm* yang bermaksud penyerupaan Allah dalam bentuk makhluk sama ada berupa manusia, binatang atau objek tertentu yang dianggap suci. Kepercayaan *tajsīm* ini kerap berlaku dalam pegangan agama selain Islam. Oleh sebab itu, ketiga rangkaian istilah ciri kesalahan ini saling berkait rapat

iaitu penyerupaan, penjelmaan dan penyatuan Allah pada makhluk. Melihat kepada ciri ini telah maklum diketahui ulama-ulama ASWJ *ittifāq* memgingkarinya, sehubungan dengan itu, fatwa MUIB dalam perkara ini melihat memadai dengan mendatangkan ayat-ayat al-Qur'an sahaja dalam memutuskan ciri ini sebagai bertentangan dengan ASWJ.

### **Dakwaan Menerima Ajaran Melalui Pertemuan Dengan Nabi**

Ciri ini dipergunakan oleh Tarekat Abdul Razak dengan dakwaan amalan-amalan dalam tarekat berkenaan telah diperolehi melalui pertemuan dengan Nabi Muhammad dalam mimpi, dalam keadaan jaga dan melalui perjumpaan dengan wali-wali termasuk '*Abd al-Qādir al-Jailānī*.

Kisah pertemuan dengan nabi sering terjadi diceritakan dalam amalan tarekat, malah pengasas Tarekat Ahmadiah Sayyidi Ahmad bin Idris (1837M) dan dua orang pemimpin selepasnya Sayyidi Ibrahim al-Rashid (1874M) dan Sayyidi Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (1909M) juga mendakwa telah bertemu secara jaga dengan Nabi Muhammad dalam 'Ijtimā' Šūrī' (اجتماع صوري). Sepanjang pertemuan dalam 'Ijtimā' Šūrī' ini, beberapa amalan telah diterima seperti *Fātiḥat al-Aurād*, *al-Tahlīl*, *al-Šalawāt al-'Azīmiyyah*, *al-Istighfār al-Kabīr*, *al-Mahamīd al-Thamāniyyah*, *al-Šalawāt al-Arba'a 'Asharah* dan *al-Ahzāb* dan kesemua ini diajarkan menjadi amalan zikir yang menjadi asas kepada Tarekat Ahmadiah berterusan hingga ke hari ini.

Melihat kepada pertemuan dengan nabi merupakan suatu perkara yang boleh berlaku di kalangan ulama sebagaimana dinyatakan di atas, menjadikan isu ini teramat rumit untuk diperjelaskan kepada masyarakat awam Brunei. Dalam usaha agar perkara seumpama ini perlu dirungkai dengan berhemah, Brunei khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama terdorong dari kesan berbaik-baik dan merasa keterkaitan dengan Sheikh al-Azhar telah merujuk kepadanya bagi mendapatkan sebarang apa juu penjelasan berguna untuk menjadi sandaran pegangan hukum berkaitan isu ini. Oleh sebab yang demikian, fatwa MUIB ketika membahaskan isu-isu akidah yang ditimbulkan dalam Tarekat Abdul Razak terus sahaja merujuk kepada penjelasan tiga orang ulama ASWJ sebagaimana diperjelaskan oleh Sheikh al-Azhar melalui persuratannya kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti Jadual 3.

**Jadual 3: Penjelasan Ulama al-Azhar Mengenai Pertemuan Dengan Nabi**

Ulama	Penjelasan
<i>Al-Siddīq al-</i>	Dakwaan berjumpa dengan Nabi Muhammad waktu

<i>Ghumarī</i>	tidur atau waktu jaga, dan Nabi mengajar akan sesuatu ilmu, doa, selawat, zikir adalah harus dan boleh berlaku sebagaimana telah pun terjadi kepada ulama-ulama, wali-wali Allah dan orang-orang salih. Menurut <i>al-Ghumarī</i> , kejadian ini termasuk dalam erti kata “ <i>Fadāel al-A'māl</i> ”.
<i>Hassanīn Makhlūf</i>	Dakwaan pertemuan dengan Nabi Muhammad secara jaga adalah termasuk dalam perkara yang jarang terjadi dan sangat sedikit sekali orang yang mengalaminya, kecuali hanya bagi orang-orang yang bersifat mulia, bahkan perkara ini sudah berabad-abad tidak terjadi. Apa halnya pula jika dibandingkan dengan zaman ini yang penuh dengan fitnah, yang meluasnya berbagai kemaksiatan dan manusia pun sudah jauh dari berdamping dengan Nabi.
<i>Jād al-Haq</i>	Dakwaan orang menjadi wali bertemu dalam keadaan jaga dengan Nabi Muhammad di langit yang turut dihadiri oleh Nabi Khidir, 'Abd al-Qādir al-Jīlānī dan beberapa orang nabi dan wali adalah dakwaan itu suatu pendustaan dan rekaan semata-mata.

Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1993.

Dengan berpandukan kepada jadual di atas, *al-Ghumarī* sahaja yang ada menyebut tentang keharusan boleh berlaku pertemuan dengan Nabi Muhammad dalam mimpi, dan tidak diperjelaskan perkara ini oleh *Hassanīn Makhlūf* dan *Jād al-Haq*. MUIB dalam fatwanya hanya mensahkan sahaja pendapat berkenaan untuk menjadi sandaran hukum di Brunei sekalipun isu sebenar yang timbul dalam memperkatakan ciri kesalahan ini ialah tentang penerimaan ilmu hasil dari pertemuan dengan Nabi Muhammad melalui mimpi.

Kepenggunaan ulama-ulama al-Azhar dalam fatwa MUIB dilihat sudah memadai telah mewakili pendapat ASWJ. Oleh itu, dalam fatwa MUIB membahaskan ciri kesalahan pertemuan dengan Nabi Muhammad pada masa sekarang, cara penjelasannya mengikut secara urutan hukum yang pada awalnya harus sebagaimana pendapat *al-Ghumarī* dan disusuli dengan keraguan boleh berlaku oleh *Hassanīn Makhlūf* kepada pendapat terakhir oleh *Jād al-Haq* tidak lagi boleh berlaku dan dihukumkan pendusta kepada pendakwa berkenaan. Setelah ditelusuri kronologi ini, ia adalah hanya dalam perkara pertemuan Nabi Muhammad secara jaga. Jangka masa dan situasi semasa turut menjadi ukuran dalam penetapan sesuatu hukum. Perkara ini

diperlihatkan dalam fatwa MUIB yang membahaskan persoalan ini dalam bentuk hukum yang berlainan berpandukan kepada keadaan semasa.

### Tindakan Menangani Tarekat Abdul Razak

Mengendalikan kes-kes ajaran salah akidah bukanlah perkara mudah, ianya meliputi risikan, siasatan, penyamaran, serbuan, tangkapan, pendakwaan dan hukuman, malah tidak selesai setakat menjatuhkan hukuman sahaja, kerana ini melibatkan soal ajaran, maka perlu lagi kepada pemulihan, bimbingan kaunseling dan sebagainya. Oleh kerana fatwa yang dikeluarkan oleh MUIB telah diwartakan wajib dipatuhi dan mempunyai kuasa perundangan, maka di sini nampak jelas keperluan penyelidikan, pendalilan dan *tarjih* yang kukuh supaya mantap, matang dan berwibawa sesuai dengan kedudukan sesuatu hukum yang memerlukan pendalilan yang kukuh dan jelas. Ini termasuklah kepada keperluan membuat analisis terhadap ciri-ciri kesalahan dalam ajaran yang dilabel sebagai bertentangan dengan dasar akidah ASWJ khususnya bagi Brunei. Dalam mencapai hasrat ini perlu ada individu atau kelompok yang berusaha dalam menangkis ajaran salah dengan menyingkap dan mendedahkan kesalahan dan implikasi negatifnya kerana menyaru kepada kebenaran dengan hujahan dan bukti-bukti ilmiah merupakan tugas penting agama. Kelompok yang dimaksudkan di sini sudah tentulah individu-individu yang mempunyai keilmuan yang mendalam berhubung dengan bidang pengajian ilmu akidah khususnya aliran pemikiran ASWJ.

Tindakan menangani tarekat ini di Brunei, telah melalui pelbagai cara pencegahan dan pengawalan yang kesemuanya menjurus untuk melenyapkan kegiatan, ajaran dan amalannya agar tidak lagi dipegang oleh mana-mana individu atau kumpulan. Kemuncak dari tindakan menanganinya terpamer dari usaha pewartaan fatwa MUIB bertarikh 15 Jamadilakhir 1423 bersamaan dengan 24 Ogos 2002. Oleh yang demikian, beberapa tindakan dan langkah-langkah penguasaan pengharaman terhadap tarekat ini telah dilaksanakan sebagaimana Jadual 4.

**Jadual 4: Langkah-langkah Pengharaman Tarekat Abdul Razak**

No.	Langkah-langkah	Pelaksana
1.	Penguasaan Warta Kerajaan, Bil. 18, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) Bab 42.	Bahagian Penguasaan Agama
2.	Penguasaan Akta Terbitan-	Kementerian Hal Ehwal Dalam

	Terbitan Yang Terlarang (Penggal 25)	Negeri melalui Bahagian Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah
3.	Penguatkuasaan "Society Act"	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pasukan Polis Diraja Brunei
4.	Bimbingan Kaunseling Pengukuhan Akidah	Pusat Da'wah Islamiah
5.	Larangan terhadap Abdul Razak dan warganegara asing yang terlibat dengan tarekat ini dari memasuki Brunei	Jabatan Imigresen

Sumber: Saedon Othman dan Norarfah Zainal (2002).

Hakikatnya, sebelum fatwa berkenaan diwartakan, agensi-agensi penguatkuasaan telah pun melaksanakan pelbagai tindakan bagi menangani tarekat ini dari terus berleluasa, antaranya memasukan nama Abdul Razak dalam senarai individu-individu yang ditegah masuk ke Brunei, menganjurkan beberapa sesi kursus akidah kepada pengikut-pengikut tarekat dan pemantauan berterusan terhadap individu dan tempat perkumpulan tarekat (Saedon Othman & Norarfah Zainal, 2002, hlm. 142). Setelah pewartaan kumpulan tarekat ini sebagai ajaran salah pada tahun 2002, didapati tidak ada lagi direkodkan aduan mengenainya kepada bahagian penguatkuasaan sebagai memberi indikasi virus tarekat ini berjaya diatasi dari terus menular di Brunei.

Kejayaan menangani tarekat ini tercapai hasil usaha pelbagai pihak khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku kementerian yang khusus memeduli ajaran Islam di Brunei yang telah bertindak melalui jawatankuasa-jawatankuasa untuk mempergunakan kaedah-kaedah yang berkesan seperti memohon kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai bidang kuasa untuk menghalang kegiatan tarekat di Brunei. Sehubungan dengan itu, kementerian berkenaan berusaha ke arah pengharaman tarekat ini melalui Warta Kerajaan No. 44 bertarikh 25 April 1995 seperti berikut:

The Minister of Home Affairs is satisfied that the jemaah of the followers of the teachings of Abdul Razak bin Haji Mohamad is being used and is likely to be used for purposes incompatible with the peace, good order and welfare of Brunei Darussalam.

Melihat kepada keadaan berkenaan, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah bertegas mengisyiharkan kumpulan ini sebagai bertentangan dengan "Society Act": "...Hereby declare the society or association known as the jemaah of the followers of the teachings of Abdul Razak bin Haji Mohamad to be an unlawful society."

Usaha menumpaskan kegiatan kumpulan tarekat ini tanpa melepas pandang bahan-bahan terbitan yang berkaitan dengan ajarannya untuk ditegah dari dibawa masuk ke Brunei melalui warta No. 145 bertarikh 25 Zulkaedah 1415 bersamaan 25 April 1995. Akta ini juga adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sementara itu, dalam menghadapi individu-individu yang terlibat dengan ajaran tarekat, nampaknya Brunei menangani dengan pelbagai cara, malah kekerapan yang terjadi, pencegahan sering memperguna alasan kaedah fiqhiyyah "Sadd al-Dharā'i" kerana individu yang berkaitan tidak dapat dihadapkan ke pengadilan Mahkamah Syariah untuk disabitkan dalam satu-satu pertuduhan kesalahan melalui proses perundangan. Kaedah fiqhiyyah ini diperguna dengan alasan demi memelihara kesahihan akidah dan melindungi orang awam dengan memastikan kelangsungan keharmonian kehidupan beragama di Brunei dari sebarang tindakan individu yang difikirkan boleh mangancam kestabilannya. Begitulah alasan yang lazim diperguna dalam menangani individu-individu yang terlibat dengan ajaran salah. Dengan demikian, kelestarian ASWJ Brunei yang bersandarkan kepada pencerahan sumber metodologi pemikiran *al-Ashā'rah* terus mantap dan stabil dengan penghayatan harmoni di kalangan masyarakat Brunei.

## Kesimpulan

Brunei sungguh pun negara kecil, tidak dapat mengecualikan diri dari menghadapi penularan fenomena ajaran salah yang terbit dari segelintir masyarakat tempatan atau pun melalui anasir luar yang cuba menerobos masuk melimpasi sempadan negara. Penularan ajaran salah umpama virus yang merebak dengan cepat dan tidak mungkin berhasil dibendung tanpa ada kerjasama agensi penguatkuasaan dengan pelbagai pihak. Ketegasan menangani kumpulan Tarekat Abdul Razak telah wajar dilaksana dari aspek perundangan, pentadbiran dan penyelidikan agar apa-apa berhubungkait dengan tarekat ini sama ada individu pengasas, pengikut dan ciri-ciri ajaran yang bertentangan dengan ASWJ ditumpaskan dengan jaya.

Dalam senario menghadapi tarekat ini, Brunei saling bekerjasama dengan Universiti al-Azhar khusus dalam mengulas dan memperjelas intipati

kandungan yang terdapat dalam tarekat sebagai sandaran hukum yang boleh diperguna menjadi dasar ke arah menjurus pengharamannya di Brunei. Terdapat beberapa isu kepercayaan akidah yang ditimbulkan dalam tarekat ini meliputi ‘taḥdīr al-arwāḥ’ *ḥulūl*, *ittihād* dan *tajsīm* yang kesemua doktrin ini merupakan intipati fatwa MUIB menghukumkannya sebagai ajaran salah bertentangan dengan ASWJ. Memandangkan penularan ajaran salah dan kerjasama sepadu menanganinya bukanlah mudah, maka penyelidikan demi penyelidikan serta hebahan sesuatu ciri kesalahan wajar terus dipergiat tanpa mengira masa kian berlalu kerana dapatan memperlihatkan isu-isu akidah yang sebenarnya telah ditangani oleh ulama-ulama zaman silam dikorek kembali dengan sedikit penceraan baru seolah-olah baru, walhal sebenarnya isu lama yang membuatkan ulama berulang-ulang lagi membahasnya dan memperkuuh hujah membuktikannya bertentangan dengan ASWJ. Dengan demikian pencerahan intipati sesuatu ciri kesalahan akidah merupakan tugas yang tidak berkesudahan dan dikategorikan sebagai keutamaan utama ulama akidah kini dan mendatang.

## Rujukan

- Al-Qur'ān al-Karīm.*
- Abd al-Rahmān bin 'Alī bin Muhammad ibn al-Jawzī (1992). *Al-Muntazam fī Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmīah.
- Abdullāh al-Amīn (1986). *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-Mazāhib al-Qadīmah al-Mu'āṣarah*. Beirut: Dār al-Ḥaqīqah.
- al-Shahāwī, M. M. (1989). *Taḥdīr al-Arwāḥ wa Taskhīr al-Jan Bain al-Haqīqah wa al-Khurāfat*. Kaherah: Maktabah al-Qur'ān.
- Ibn Kathīr, Al-Ḥāfiẓ Abī al-Fidā' Ismāīl (1999). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyat*. Kaherah: Mu'assasah al-Hudā.
- Kassim Mohammad (1998). *Mengenal Ajaran Sesat*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam 1986 – 1995, 1996.
- Mohd. Murtadza Ahmad, & Mahmud Saedon Othman (1993). *Mengenal Al-Tarekat Al-Ahmadiyah*. Negeri Sembilan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.
- Muhammad Sa'ēd Ramaḍān al-Būtī (1985). *Al-Lā Mazhabīah Akhtharu Bidaah Tuḥaddidu al-Syari'at al-Islāmiyyah*. Damsyik: Dār al-Fārābī.

Muslim, Abū al-Ḥusayn ibn al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī. (1995). *Sahih Muslim*. Beirut: Dār Ibn Ḥajm.

Noriah Muhammad (2002). Pengukuhan Aqidah. Kertas kerja dalam Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Ugama Islam Bagi Pentadbir Sekolah dan Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah, Pusat Da'wah Islamiah pada 1 Mei 2002.

Saedon Othman dan Norarfan Zainal. (2002). *Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Warta Kerajaan, No. 144 (1995, 25 April).

Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Bil. 18 (2002).